

01/01/1999

Dr M tawan alu-alu

"MALAM kelmarin saya dapat barracuda 20 kilogram," demikian antara kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau mengunjungi Bazar Chodet pada Grand Prix (GP) Joran di Langkawi.

GP Joran yang dianjurkan oleh Berita Harian sejak 1997 mencatatkan sejarah tersendiri apabila Perdana Menteri menyempurnakan upacara pelepasan peserta kategori laut dalam di Jeti Awana Porto Malai, Langkawi pada petang 5 Disember 1998.

Kesudian Dr Mahathir menyempurnakan upacara itu sekali gus membuktikan pengiktirafan beliau terhadap hobi memancing yang sekali gus menaikkan moral kaki pancing di seluruh negara.

Berikutan itu, Joran menghubungi Datuk Mohamed Ali selaku Juruiring (ADC) Perdana Menteri, untuk memperolehi gambar dan cerita detik-detik menarik Dr Mahathir mendapat ikan berkenaan.

Menurut beliau yang lebih mesra dengan panggilan Pak Ali, alu-alu (*Sphyraena jello cuvier*) itu dipancing di perairan Tukun Perak dekat Kedah pada 3 Disember lalu.

"PM menggunakan umpan tiruan (rapala). Beliau mengambil masa kira-kira 10 minit untuk menaikkannya ke atas bot," kata Pak Ali sambil memberitahu Perdana Menteri memancing secara tunda (trolling) kira-kira jam 11 pagi.

Menurutnya, selepas Dr Mahathir menarik ikan itu ke tepi bot, ada kakitangan yang membantu beliau menaikkan alu-alu itu ke atas bot.

Kata Pak Ali, Perdana Menteri melahirkan rasa puas hati dan seronok dengan tangkapan berkenaan.

Menurut Pak Ali, Dr Mahathir gemar aktiviti boating dan sailing, dan dalam kesempatan itu kadang kala beliau memancing.

(END)